

**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING AM BILANGAN 5 TAHUN 2013**

---

**TERMA RUJUKAN DAN STRUKTUR  
UNIT PEMERKASAAN EKONOMI BUMIPUTERA DI KEMENTERIAN**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**MALAYSIA**

29 November 2013

Diedarkan kepada:  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian



**JABATAN PERDANA MENTERI  
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT**

Blok B8, Kompleks Jabatan Perdana Menteri  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya  
MALAYSIA

Tel. : 03-8000 8000  
Fax : 03-8888 3904  
Web : <http://www.jpm.gov.my>  
Emel : [jpm@jpm.gov.my](mailto:jpm@jpm.gov.my)

---

Rujukan Kami : UPE.UPB.100-1/9/5 (2)

Tarikh : 29 November 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

---

**SURAT PEKELILING AM BILANGAN 5 TAHUN 2013**

---

**SURAT PEKELILING MENGENAI TERMA RUJUKAN DAN STRUKTUR  
UNIT PEMERKASAAN EKONOMI BUMIPUTERA DI KEMENTERIAN**

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada kementerian mengenai terma rujukan dan struktur Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPEB) di kementerian.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Kerajaan telah menetapkan supaya Unit Pembangunan Bumiputera (kemudiannya disebut sebagai Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera) diwujudkan di setiap kementerian menerusi:

- 2.1.1 Mesyuarat Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) pada 29 Ogos 2013;
  - 2.1.2 Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan (KSUKP) pada 10 September 2013;
  - 2.1.3 Pengumuman YAB Perdana Menteri semasa Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera pada 14 September 2013; dan
  - 2.1.4 Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 September 2013.
- 2.2 Penubuhan UPEB bertujuan untuk memastikan penyertaan dan kepentingan Bumiputera dalam bidang ekonomi dilaksanakan selaras dengan agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB). Ini adalah untuk menentukan penyertaan Bumiputera yang seimbang, bermakna dan mampan dalam ekonomi negara.

### **3. PERANAN DAN FUNGSI UPEB**

#### **3.1 Aspek Perancangan**

- 3.1.1 Menentukan semua inisiatif PEB di kementerian dan agensi-agensi di bawahnya dilaksanakan selaras dengan pelan dan prinsip-prinsip Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 26 November 2011 iaitu:
  - i. Mesra pasaran;
  - ii. Berasaskan keperluan;
  - iii. Berasaskan merit;
  - iv. Ketelusan;

- v. Pro-pertumbuhan; dan
- vi. Persaingan mampan

dan melakukan penjajaran semula (*realignment*) inisiatif tersebut, jika perlu.

- 3.1.2 Menyediakan pelan strategik yang bersesuaian bagi memastikan pelaksanaan dan pemantauan inisiatif PEB di kementerian mencapai objektif yang ditetapkan.

### **3.2 Aspek Pelaksanaan**

- 3.2.1 Melaksana dan menyelaras dasar dan inisiatif khas PEB seperti yang dipersetujui oleh Majlis Ekonomi Bumiputera serta program pembangunan keusahawanan Bumiputera di semua kementerian dan agensinya. Inisiatif ini termasuklah, tetapi tidak terhad kepada:
  - i. Pembangunan modal insan;
  - ii. Pemilikan aset bukan kewangan;
  - iii. Pemilikan ekuiti korporat;
  - iv. Keusahawanan dan perniagaan;
  - v. Program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS);
  - vi. Dana Mudahcara;
  - vii. Pelupusan aset bukan teras;
  - viii. Peruntukan khas Bumiputera (*carve-out and compete*);
  - ix. Program pembiayaan bagi sektor-sektor strategik;
  - x. Pembangunan vendor;
  - xi. Penyumberan luar (*outsourcing*);
  - xii. Pelupusan aset (*asset divestment*);
  - xiii. Pembiayaan ekuiti dan pelaburan; dan

xiv. Francais dan perlesenan.

### **3.3 Aspek Pemantauan**

- 3.3.1 Memantau dan memastikan penyertaan Bumiputera secara signifikan dalam semua inisiatif PEB di kementerian dan agensinya, termasuk bidang pendidikan, pekerjaan, perumahan, pemilikan aset kewangan dan bukan kewangan serta peluang perniagaan.

### **3.4 Aspek Pelaporan**

- 3.4.1 Melapor pencapaian petunjuk prestasi utama (KPI) inisiatif PEB di kementerian kepada pengurusan tertinggi kementerian.
- 3.4.2 Melapor pencapaian KPI inisiatif PEB di kementerian kepada Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU).

## **4. PENYELARASAN TANGGUNGJAWAB UPEB DI PERINGKAT KEMENTERIAN**

- 4.1 Ketua Setiausaha kementerian bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keseluruhan operasi Unit dan pelaksanaan serta pencapaian inisiatif PEB di kementerian. Untuk tujuan pentadbiran, Unit tersebut perlu diletakkan di bawah seliaan Timbalan Ketua Setiausaha kementerian bagi memastikan keseluruhan fungsi kementerian tidak meminggirkan kepentingan pemeriksaan ekonomi Bumiputera.


- 4.2 Sebuah Jawatankuasa Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (JPEB) hendaklah ditubuhkan, mengikut keperluan kementerian, yang berperanan bagi memastikan semua aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan pelaporan inisiatif PEB di kementerian dilaksanakan secara berkesan.
- 4.3 Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha kementerian yang mana keahlian Jawatankuasa ini, sekurang-kurangnya terdiri daripada:
- 4.3.1 Pegawai-pegawai kanan atau Bahagian dalam kementerian;
  - 4.3.2 Ketua-ketua agensi dalam kementerian, atau wakil;
  - 4.3.3 Pengarah UPEB yang juga merupakan Setiausaha Sekretariat kepada Jawatankuasa ini; dan
  - 4.3.4 Seorang pegawai TERAJU akan dinamakan sebagai Ahli Tetap (*ex-officio*) dalam Jawatankuasa tersebut.
- 4.4 Pengarah/Ketua Unit UPEB bertanggungjawab untuk:
- 4.4.1 Menentukan Mesyuarat JPEB dilaksanakan secara berkala dan teratur;
  - 4.4.2 Memastikan keputusan Mesyuarat JPEB dilaksanakan pada peringkat kementerian dan agensi berdasarkan kepada KPI yang telah ditetapkan;

- 4.4.3 Memantau dan melapor kepada JPEB berhubung prestasi pelaksanaan inisiatif PEB di kementerian kepada pengurusan tertinggi kementerian; dan
- 4.4.4 Mengemukakan laporan pencapaian inisiatif PEB di kementerian kepada TERAJU secara berkala.

## **5. PENYELARASAN TANGGUNGJAWAB UPEB KEMENTERIAN DENGAN MAJLIS EKONOMI BUMIPUTERA (MEB)**

- 5.1 UPEB hendaklah mengemukakan laporan pencapaian inisiatif PEB di kementerian kepada Pasukan Petugas Pemantauan PEB yang dipengerusikan oleh UPE, JPM dan dianggotai oleh TERAJU dan agensi lain yang bersesuaian mengikut keperluan.
- 5.2 Pasukan Petugas Pemantauan PEB berperanan dalam menyediakan analisis dan menilai kemajuan pencapaian dan impak inisiatif PEB di kementerian bagi tujuan pelaporan kepada MEB.
- 5.3 Bagi tujuan tersebut, TERAJU akan mengadakan *engagement* bersama kementerian bagi mendapatkan status semasa, memantau pelaksanaan inisiatif PEB di kementerian dan melaporkan kepada MEB melalui Pasukan Petugas Pemantauan PEB.
- 5.4 MEB akan bersidang sekurang-kurangnya sekali sebulan atau lebih mengikut keperluan. Majlis akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan Timbalan Pengurusnya adalah YAB Timbalan Perdana Menteri dengan keanggotaan beberapa menteri berkenaan. Majlis ini akan diurussetiakan oleh TERAJU.

5.5 Struktur pelaporan inisiatif PEB di kementerian adalah seperti di bawah:



## 6. PEMAKAIAN

6.1 Peraturan ini adalah terpakai kepada semua Kementerian Persekutuan.

## 7. KUAT KUASA DAN PINDAAN

7.1 Peraturan-peraturan dalam Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

- 7.2 Pindaan kepada terma rujukan ini boleh dilakukan oleh MEB atau Mesyuarat KSUKP pada bila-bila masa yang sesuai dan berdasarkan keperluan.
- 7.3 Sebarang pertanyaan berhubung terma rujukan ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah  
Unit Perancang Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri  
Blok B5 & B6  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62502 PUTRAJAYA.**

No. Tel : 03-8872 3333/3365/3295/3368  
No. Faks : 03-8888 2999

Ketua Eksekutif  
Unit Peneraju Agenda Bumiputera  
Jabatan Perdana Menteri  
Tingkat 5, Menara Surian  
No. 1, Jalan PJU 7/3  
Mutiara Damansara  
47810 Petaling Jaya  
**SELANGOR DARUL EHSAN.**

No. Tel : 03-7839 8000/8042/8077/8043  
No. Faks : 03-7839 8100

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



(TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA)

Ketua Setiausaha Negara Malaysia